



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN KENINGAU**

Tingkat 2, Rumah Persekutuan,
Beg Berkunci No.5
89008 Keningau,
Sabah

Tel : 087 - 331 245 / 339 960
Faks : 087 - 330 449
Laman Web : www.anm.gov.my/index.php/utama-keningau



Ruj. Kami : ANM/KGU/600-3/1/4 JLD.3 (11)
Tarikh : 05 Mac 2021

**SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR
DI BAWAH SELIAAN JANM CAWANGAN KENINGAU**

Tuan/Puan,

**PENYEDIAAN PENGESAHAN BAKI KOD AKAUN OLEH PTJ PEMBAYAR UNTUK
TUJUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN LEJAR AKRUAN BAGI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN TAHUN
2020**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2020 hendaklah disediakan bagi tujuan pengauditan oleh Ketua Audit Negara. Bagi tujuan ini, PTJ Pembayar perlu menyediakan pengesahan baki bagi kod akaun yang berkaitan (berasingan bagi setiap PTJ Dipertanggung) mengikut format yang ditetapkan untuk semakan Pejabat Perakaunan sebelum dikemukakan kepada Ketua Akauntan Kementerian masing-masing seperti berikut;

BIL.	ITEM PENYATA KEWANGAN	KOD AKAUN	LAMPIRAN
1	Wang Pendahuluan Kontraktor	A0591101	D2 (A) & D2 (B)
2	Deposit Bayaran	A052*	D4 (A) & D4 (B)
3	Pebelanjaan Terdahulu Aset	A053*	C3
4	ABT <i>Ongoing Receivables</i>	A048*	E3 & E3 (A)
5	Inventori	A06* & A07*	C2
6	Aset Bukan Kewangan	A14* - A23*	C1
7	Aset Belum Bayar	L013*	C4
8	Akaun Belum Bayar GRN/FRN Transit Aset	L0191103	C5
9	Deposit	L11*	D1 (A) & D1 (B)

3. Sila kemukakan pengesahan baki yang telah disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan ke Jabatan ini **selewat-lewatnya 19 Mac 2021 (Jumaat)**.

Ruj. Kami : ANM/KGU/600-3/1/4 JLD.3 (11)
Tarikh : 05 Mac 2021

4. Panduan dan Slaid Taklimat Penyediaan Pengesahan Baki serta *template* lampiran boleh dimuat turun di laman web Jabatan ini.

Perhatian dan kerjasama tuan/puan dalam mematuhi format dan tarikh penghantaran yang ditetapkan amatlah dihargai untuk memastikan kelancaran penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah


(MIRNAWATI SYARIPUDDIN C.A (M), CPA (Aust.))

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Keningau